

11/01/2003

Ahli Sahoca dirai

PUTRAJAYA: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, meraikan kira-kira 1,000 ahli Persatuan Bekas Penuntut Kolej Sultan Abdul Hamid (Sahoca) di Seri Perdana, di sini, semalam.

Majlis Sembang Raya Sahoca di kediaman rasmi Perdana Menteri itu bermula jam lima petang sehingga kira-kira jam 7 malam, anjuran Sahoca Kuala Lumpur dan Selangor.

Dr Mahathir yang juga Presiden Sahoca, berkata beliau sangat gembira bertemu rakan lama dan baru walaupun ini kali terakhir acara itu diadakan di Seri Perdana.